

UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ
ABDULLAH, PRESIDEN ANGKASA**

MAJLIS PERASMIAN

PELANCARAN PROJEK KUMPULAN HARTANAH KOPAMA BERHAD DAN LYON ASIA GROUP

**22 MAC 2017, 2.00 PETANG,
DEWAN MAJLIS PERBANDARAN
AMPANG, PANDAN INDAH**

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

(SALUTASI DISEDIAKAN PENGANJUR)

YBrs. Barisan Anggota Lembaga
KOPAMA

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-
Datin, Para Hadirin Yang Saya
Hormati Sekalian.

1. Syukur alhamdulilah kerana kita
diberi kesempatan untuk bertemu
dan bersama-sama dalam
menjayakan **PELANCARAN PROJEK**
KUMPULAN HARTANAH KOPAMA
DAN LYON ASIA GROUP.

2. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana KOPAMA dan Lyon Asia Group yang berjaya melancarkan Projek Kumpulan Hartanah pada petang ini. Saya mewakili ANGKASA dan gerakan

koperasi turut merasa bangga dengan kejayaan ini.

3. Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada KOPAMA dan Lyon Asia Group

yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya menyempurnakan majlis yang penuh bermakna ini.

Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

4. Koperasi di Malaysia mempunyai pelbagai fungsi dan besar

bilangannya. Sehingga Disember 2016, bilangan koperasi di negara ini berjumlah 13,247 buah dengan keahlian 7 juta orang, aset RM125 bilion dan perolehan berjumlah RM20 bilion. Kepelbagai fungsi ini

menyukarkan kita iaitu ANGKASA, SKM dan MKM membangunkan dan memajukan gerakan koperasi. Justeru, ANGKASA mengambil pendekatan menubuhkan peneraju sektor bagi membangun

dan merangsangkan perniagaan koperasi selaraskan dengan Deklarasi Putrajaya.

5. ANGKASA memfokuskan lapan sektor berimpak tinggi untuk

diceburi bagi memacu sektor koperasi ke arah berpendapatan tinggi dan menjadi penyumbang berkesan kepada pendapatan negara. Bagi menggerakkan koperasi dan mencapai kesan

maksimum, ANGKASA telah menubuhkan tujuh Jawatankuasa Peneraju Sektor bagi menganalisis dan memantau pelaksanaan dan pengembangan sektor ini.

6. Sektor-sektor yang difokuskan ANGKASA ialah Perkhidmatan Kewangan; Pemborongan dan Peruncitan; Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan; Pertanian dan Industri Asas Tani;

Perladangan; Koperasi Komuniti;
Inovasi, Komunikasi dan Teknologi
Hijau; dan Sektor Pembangunan
Hartanah dan Bahan Binaan.

7. Sektor Pembangunan Hartanah dan Bahan Binaan mempunyai prospek tinggi untuk diterokai koperasi. Berdasarkan Laporan Ekonomi 2015/2016 sektor ini akan terus berkembang maju walaupun

dalam keadaan krisis ekonomi kita hadapi kini. Sektor ini, dijangka berkembang pada kadar 7.7 peratus dengan subsektor kediaman penyumbang tertinggi sebanyak 27.7 peratus.

8. Di Malaysia, terdapat 508 buah koperasi terlibat dalam sektor perumahan dan pembinaan dengan keanggotaan berjumlah 156,457 orang, aset RM730.37 juta dan perolehan berjumlah RM185.5

juta. Menurut laporan kajian semula Dasar Koperasi Negara yang dikeluarkan SKM, 2,000 buah koperasi yang bukan fungsi hartanah terlibat dalam sektor ini. Bagi tempoh 2011 hingga 2014,

pencapaian nilai pemilikan harta tanah koperasi sebanyak 30 peratus daripada RM2.2 bilion kepada RM2.86 bilion. Menjelang 2020 sektor disasarkan menyumbang sebanyak RM5 bilion.

Ini satu petunjuk sektor ini sangat berpotensi tinggi.

**Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian**

9. Melalui sektor pembangunan harta tanah dan industri binaan, ANGKASA memfokuskan untuk merangsang koperasi terlibat dalam aktiviti pembangunan harta tanah meliputi – projek

perumahan dan bukan perumahan; menaik taraf dan baik pulih harta tanah koperasi; pemilikan harta tanah; pelaburan harta tanah; dan pembekalan bahan binaan. Dalam keadaan sekarang, koperasi

mempunyai banyak tanah tetapi tidak mempunyai kepakaran untuk membangunkannya. Melalui peneraju sektor ini, koperasi boleh mendapatkan khidmat nasihat, kepakaran dan rundingan cara

dalam usaha membangunkan tanah-tanah koperasi bagi menggelakkan koperasi ditipu.

10. ANGKASA telahpun berusaha untuk memperkasakan

lagi koperasi-koperasi perumahan melalui beberapa siri konvensyen perumahan sektor koperasi yang diadakan sebelum ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah perumahan yang terlalu

tinggi harganya. ANGKASA telah bekerjasama dengan CUEPACS bagi menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi kakitangan awam. Kerjasama strategik ini mengambil kira 2 juta

anggota koperasi adalah penjawat awam. ANGKASA merasa bertanggungjawab turut sama masalah perumahan yang dihadapi mereka.

11. Dari aspek masalah perumahan hari ini, bukan tidak cukup rumah tetapi harga rumah yang terlalu tinggi, yang tidak terkawal di bandar-bandar besar yang menjadi tumpuan penduduk.

Begitu juga bagi yang tidak mampu membeli rumah, menyewa rumah juga satu masalah kerana sangat mahal sekarang ini. Melihat kepada trend masa depan ini, ANGKASA sentiasa berusaha mencari jalan

mengatasi masalah ini dan amat memerlukan sokongan padu semua pihak yang terlibat, khususnya koperasi-koperasi, kerajaan, kementerian dan agensi-agensi yang terlibat. Melalui

penglibatan ini, akan diiktarkan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik.

12. ANGKASA bercadang untuk memperkenalkan

MyANGKASA Home. ANGKASA berharap dapat membantu ahli-ahli koperasi, golongan muda dan sesiapa sahaja yang menghadapi masalah mendapatkan pinjaman bank komersial yang ketat

syaratnya melalui koperasi. dalam hal ini, koperasi-koperasi, bank-bank koperasi seperti KOPSYA, Bank Rakyat dan Bank Persatuan disaran menyediakan pinjaman perumahan untuk ahli-ahli mereka.

13. ANGKASA juga sedang dalam perancangan membangunkan lapan coop-city. Dalam Coop-City ini, akan dilengkapi dengan perumahan, bangunan, taman-taman yang

dibangunkan koperasi untuk koperasi, rancangan ini sedang dilaksanakan ANGKASA di Johor.

14. Akhir kata, sebagai koperasi yang dibina atas dasar kerjasama,

pihak ANGKASA mahu melihat kejayaan koperasi didokong oleh kesepaduan dan tindakan kerjasama pada peringkat gerakan koperasi dan agensi- agensi yang

menyumbang kepada kejayaan yang cemerlang dan mampan.

15. Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim merasmikan

PELANCARAN PROJEK KUMPULAN

HARTANAH KOPAMA BERHAD DAN
LYON ASIA GROUP.

Sekian. Wabillahi Taufik
Walhidayah. Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.